

Kesedaran Pemakanan Halal dalam Kehidupan Beragama

Faridah Mohd Sairi^{*1}, Mahfuzah Mohamed Zabidi²,
Khairah Ismail³, Norakmal Abdul Hamid⁴,
Mohd Norazri Mohamad Zaini⁵

^{1,3,4,5} Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA, Kampus Dengkil,
43800 Dengkil, Selangor, Malaysia

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor,
81750 Masai, Johor, Malaysia

*Pengarang Penghubung
faridah0052@puncakalam.uitm.edu.my

ABSTRAK

Setiap agama memiliki garis panduan tersendiri mengenai prinsip asas dalam penentuan halal dan haram di dalam pemakanan. Dalam Islam, konsep halal dan haram telah dinyatakan dengan jelas berkenaan sumber, jenis dan cara penyediaannya. Artikel ini ditulis untuk menjelaskan konsep pemakanan halal dan haram menurut ajaran Islam dan Kristian. Ia bertujuan untuk memahami persamaan dan perbezaan amalan dari sudut pemakanan setiap agama. Ia juga bertujuan mengkaji sejauhmana pemahaman pelajar Muslim dan Kristian mengenai garis panduan yang telah ditetapkan oleh agama tersebut. Ia juga bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pemilihan makanan halal oleh pelajar muslim dan Kristian. Kajian ini melibatkan responden Muslim dan Kristian di Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil. Kajian menggunakan kaedah kaji selidik. Kesedaran pemakanan halal dalam kehidupan beragama diharap dapat memupuk sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

Kata Kunci: Halalan tayyiba, Muslim, Kristian, kesedaran, pemakanan

ABSTRACT

Each religion has its own guidelines on the basic principles of dietary law. In Islamic dietary law, the concept of halal (lawful) and haram (unlawful) has been clearly stated in the Qur'an and the Sunnah regarding the source, type and means of preparation. This article mainly explains the principles of lawful and unlawful

in dietary according to the teachings of Islam and Christianity. It aims to comprehend the existing similarities and differences of dietary practice in each religion. It also aims to examine the understanding of the guidelines set by the religions among the Muslim and Christian students. This study is also to observe the trend in the food selection of Muslim and Christian students and their awareness in selecting halal food. This research involved Muslim and Christian students at the Foundation Centre of UITM in Dengkil Campus, Selangor as the respondents and using survey as research method. All in all, it is hoped that halal food awareness in religious life could foster mutual respect for each other among the plural society in Malaysia.

Keywords: Halal Tayyiba, Muslim, Christian, Awareness, Dietary

1. Pendahuluan

Garis panduan mengenai pemilihan makanan bukan hanya tertumpu kepada agama Islam sahaja. Majoriti agama utama dunia seperti Islam, Yahudi, Buddha, Hindu dan Sikh mempunyai larangan terhadap makanan tertentu seperti memakan bahan yang mempunyai campuran daging babi atau lembu. (Quantaniah *et al.* 2013) Garis panduan pemilihan ini adalah satu manifestasi keagamaan yang perlu dan wajib dipatuhi oleh penganut agama tersebut. Majoriti manusia sering berpendapat bahawa corak pemakanan tertentu boleh mencorak peribadi individu tersebut (Almerico, 2014). Malah menurut Islam, makanan halal juga boleh mencorakkan masyarakat supaya menjadi lebih beriman dan bertaqwa (Nor Aini & Mohd Ali, 2013) dan manakala makanan yang haram pula akan memberi kesan negatif pada peribadi seseorang Muslim (Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2012).

Halal berasal daripada perkataan Arab yang ditakrifkan dalam kitab *Lisan Arab* sebagai sesuatu yang berlawanan dengan perkara yang haram (Ibn Manzūr, 1119) dan manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ia adalah sebagai hukum yang membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan atau makanan yang dikonsumsi dalam Islam. (Noresah Baharom, 2010). Halal dari segi pemakanan pula adalah keperluan untuk memastikan bahawa makanan yang dipilih mematuhi semua undang-undang yang telah digariskan dalam Islam seperti yang dinyatakan dalam surah al-A'raf: 157 (Nur Riza Mohd Suradi, 2015).

2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar Muslim dan Kristian di Pusat Asasi UiTM Cawangan Dengkil tentang aspek-aspek berkaitan dengan pemakanan halal dalam kehidupan beragama. Keduanya, untuk mengenal pasti kefahaman mereka mengenai pemilihan pemakanan halal dalam kehidupan beragama. Analisis kajian dilakukan untuk meneliti perbandingan pengetahuan konsep pemakanan halal dan kefahaman mereka mengikut pelajar Muslim dan Kristian.

3. Tinjauan Literatur

3.1 Konsep Halal Dan Haram Dalam Pemakanan Menurut Ajaran Islam

Salah satu persoalan yang sentiasa dibincangkan oleh pengguna khususnya Muslim adalah pemilihan makanan yang halal lagi baik (halalan tayyiba) dan kebimbangan wujudnya unsur haram di dalam produk makanan. Perkataan ‘halal’ adalah daripada kalimah Arab yang bermaksud sebarang perkara yang dibenarkan dan dibolehkan oleh syarak. Manakala ‘haram’ adalah perkara yang dilarang. Sedangkan di antara yang halal dan haram tersebut adalah perkara syubhah yang sebolehnya dijauhi. (Mohamad Aizat Jamaluddin et.al, Jan 2011).

Dalam perkara diet dan makanan, kebanyakannya dikira halal melainkan sesuatu makanan itu secara khusus dinyatakan haram di dalam al-Quran dan hadis. Dari itu, majoriti ulama bersepakat mengatakan bahawa asal sesuatu adalah harus atau halal selagi tiada nas yang menyatakan pengharamannya. (Lokman Ab.Rahman, 2009; Yusuf al-Qaradhawi, 2015) Di dalam al-Quran, saranan untuk memilih makanan disebutkan beberapa kali di dalamnya sama ada dari segi konsep, kriteria dan contoh berkaitan halal dan tayyiba. Allah SWT berfirman, maksudnya:

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”

(Surah al-Baqarah, 2:168)

Di dalam surah yang lain Allah SWT berfirman:

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah

(makanan) yang dihalaikan bagi mereka? Katakanlah:
Dihalaikan bagi kamu (memakan) yang baik- baik.
(Surah al-Maidah, 5:4)

Ayat di atas mengandungi kaedah asas yang menjadi keutamaan sistem pemakanan dalam Islam, iaitu memilih makanan dan minuman yang halal dan baik serta bersesuaian untuk tubuh badan manusia. Jelas sebagai pengguna Muslim, berusaha mencari makanan yang halal adalah satu kefarduan dan menjadi kriteria utama dalam membuat pilihan makanan, bukan hanya memilih makanan yang lazat, menarik dan yang menjadi trend.

3.2 Kriteria Makanan Halal Dan Haram

Islam telah meletakkan garis panduan dan peraturan yang jelas berhubung halal dan haram di dalam al-Quran dan Sunnah. Ini bermakna isu halal dan haram bukan sahaja penting dari sudut syariah bahkan menyentuh persoalan keimanan dan akhlak umat Islam. Makanan halal boleh dijelaskan dengan sesuatu bahan makanan yang suci dan baik di samping tidak melanggar syariat Islam semasa menggunakannya. Sebagai sumber hukum Islam yang utama, al-Quran telah menggariskan beberapa kriteria secara terperinci melibatkan makanan dan minuman yang dikategorikan haram. Di antara panduan tersebut adalah:

1. Tidak mengandungi khinzir dan derivatifnya.

Secara asasnya, khinzir merupakan binatang yang diharamkan dalam Islam. Pengharaman ini berdasarkan beberapa kemudaratan sama ada dari aspek kesihatan dan sikap (psikologi). (Zulkifli, 2015).

Di antara ayat al-Quran yang menegaskan pengharaman ini adalah; Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas, maka tiada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang.

(Surah al-Baqarah, 2:173)

2. Tidak bersumberkan bangkai atau tidak disembelih.

Semua sumber makanan yang berasaskan haiwan yang tidak disembelih atau yang disembelih disebut nama selain Allah SWT adalah diharamkan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang mati tercekik, yang mati dipukul, yang mati kerana terjatuh, yang mati ditanduk dan yang mati diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih, dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala...”

(Surah al-Maidah, 5:3)

Di dalam ayat di atas, Allah SWT menyebutkan tentang pengharaman makanan bersumberkan haiwan yang dikategorikan sebagai bangkai sekalipun ia adalah binatang yang halal dimakan. Sebab pengharamannya adalah kerana darah yang membeku boleh menimbulkan kemudaratan kepada kesihatan manusia.

3. Tidak bersumberkan darah haiwan.

Darah yang dimaksudkan ialah darah yang mengalir, iaitu yang cair. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Katakanlah: “Tiadalah aku mendapati dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi kerana sesungguhnya semua itu kotor atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah.

(Surah al- An’am, 6:145)

4. Tidak mengandungi sesuatu yang memabukkan (arak).

Semua jenis minuman yang memabukkan yang dihasilkan daripada perahan buah-buahan atau bijirin dikategorikan sebagai arak. Begitu juga minuman yang mengandungi alkohol yang memberi kesan memabukkan. Bahan- bahan ini diharamkan kerana menyebabkan hilang kewarasan fikiran. Bahkan pengharamannya adalah kekal sekalipun diminum dalam kuantiti yang sedikit atau dicampurkan di dalam makanan yang mana tidak mendatangkan rasa mabuk. Al- Quran menegaskan pengharaman arak di dalam ayat;

“Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya meminum arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala dan mengundi nasib dengan anak panah, adalah perbuatan keji dan termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah (perbuatan-perbuatan) itu agar kamu berjaya”.

(Surah al-Maidah, 5:90)

5. Tidak berasaskan sumber daripada manusia

Sumber berasaskan manusia biasanya digunakan sebagai bahan tambahan. Di antara sumber yang digunakan ialah ekstrak daripada kolagen, uri, janin, rambut dan sebagainya. Ulama berijmak mengharamkan penggunaan organ manusia manakala sebahagian ulama mengharamkan penggunaan bersumberkan manusia sekalipun bukan sebahagian organ manusia seperti uri, air ketuban, rambut, kuku dan seumpamanya (Mohammad Aizat et. al., 2011).

Pandangan ini selari dengan firman Allah SWT berkaitan penciptaan manusia yang dicipta dengan penuh penghormatan dan kemuliaan.

Dan sesungguhnya telah kami muliakan anak-anak Adam, kami angkut mereka di daratan dan di lautan, kami beri mereka rezeki daripada yang baik-baik dan kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah kami ciptakan.

(Surah al-Isra', 17:70)

Di dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia menyebutkan bahawa takrif halal untuk makanan atau lain-lain produk mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) (Pindaan) 2012 adalah diperincikan seperti berikut:

- a) Tidak mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh hukum syarak untuk memakannya atau tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- b) Tidak mengandungi apa-apa benda yang najis mengikut hukum syarak
- c) Tidak memabukkan
- d) Tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasil daripada yang tidak dibenarkan oleh syarak

- e) Tidak beracun atau memudaratkan kesihatan
- f) Tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis
- g) Tidaklah semasa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi sub-sub perenggan (a) dan (b).

Islam amat menitikberatkan umatnya agar memakan makanan yang bersih bagi melindungi diri dari serangan penyakit, memelihara kewarasan akal untuk berfikir dengan baik serta membentuk akhlak dan tingkah laku yang baik. Ini adalah kerana pengambilan makanan dan minuman akan membentuk darah daging dan akan mempengaruhi kualiti kesolehan zahir dan batin seseorang.

Sebenarnya nisbah perkara yang diharamkan secara mutlak adalah terlalu sedikit jika dibandingkan dengan benda- benda halal yang begitu banyak untuk menjadi pilihan. Jika seseorang Islam sengaja memilih untuk memakan atau menggunakan barangan yang diharamkan, maka ia adalah berdosa dan mendatangkan kemudaratan kepada diri sama ada secara fizikal mahupun spiritual.

3.3 Kefahaman tentang konsep Halal dan Pendidikan kepenggunaan Halal di Malaysia

Meskipun terdapat sepuluh tempat di dalam al-Quran yang menyebut perkataan yang menggabungkan halal lagi baik (*halalan tayyiba*), namun masih ramai umat Islam tidak begitu memahami konsep tersebut. Maka ramai yang gagal mengamalkan dalam kehidupan seharian, malah terdapat yang menganggap halal sekadar tidak mengandungi sebarang unsur babi atau arak. Dua benda ini hanyalah sebahagian sahaja di dalam konsep halal dalam Islam (Lokman Ab. Rahman, 2009).

Selain daripada tahap kefahaman, sikap prihatin dan peka pengguna terhadap keperluan mengambil dan menggunakan produk atau makanan halal juga perlu diberi perhatian. Masih ramai pembeli Muslim memberi keutamaan kepada aspek lain seperti cita rasa, pembungkusan, harga dan gaya hidup (Nor Aini Hj Idris & Mohd Ali Mohd Noor, 2013).

Secara umumnya, masyarakat beragama Islam telah pun didedahkan dengan pendidikan halal dan haram sama ada secara langsung dan tidak langsung melalui maklumat yang disampaikan oleh

ibu bapa, kelas Pendidikan Islam, surat khabar dan lain-lain saluran maklumat.

Di Malaysia, terdapat beberapa program kesedaran halal yang dapat dibahagikan kepada empat komponen utama. Pertama, program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Begitu juga beberapa program yang dikendalikan oleh badan berkanun (GLC) seperti Halal Industry Development Corporation (HDC), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Penang International Halal Hub (PIHH). Kedua, institusi pendidikan negara seperti Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia, Pusat Kecemerlangan Halal Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal Universiti Sains Islam Malaysia.

Ketiga, program kesedaran pengguna yang dilaksanakan oleh organisasi bukan kerajaan (NGO) dan persatuan seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (Consumer Association Penang- CAP). Keempat, program pendidikan kepenggunaan halal yang disediakan oleh perseorangan atau syarikat-syarikat latihan seperti Halal Global Sdn. Bhd, al-Hamra Management & Consultancy Services dan sebagainya (Mohammad Aizat et. al, 2012).

Oleh yang demikian, pendidikan kepenggunaan adalah sangat penting supaya semua pengguna mempunyai ilmu dan kefahaman seterusnya menjadi panduan untuknya ketika membuat sesuatu keputusan dalam memilih dan membeli sesuatu produk. Dengan mempunyai pengetahuan dan kesedaran terhadap konsep halal dan tayyiba, pengguna akan mempunyai tahap sensitiviti halal dan tanggungjawab sosial yang tinggi dalam permintaan dan penggunaan sesuatu produk sama ada dalam bentuk makanan dan bukan makanan.

3.4 Konsep Halal dan Haram dan Kesannya Kepada Akidah dan Akhlak

Firman Allah SWT bermaksud:

Katakanlah (kepada kaum yang mengada-adakan sesuatu hukum): Sudahkah kamu Nampak baik buruknya sesuatu yang diturunkan Allah SWT untuk manfaat kamu itu sehingga dapat kamu jadikan sebahagian daripadanya haram dan sebahagian lagi halal? Katakanlah lagi (kepada mereka): Adakah Allah SWT izinkan bagi kamu berbuat demikian, atau

kamu hanya mengada-adakan secara dusta terhadap Allah SWT?

(Surah Yunus, 10:59)

Perbuatan mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram dihukumkan sebagai syirik iaitu dosa besar dalam Islam. Islam sangat tegas dalam perkara akidah dan tauhid namun bertoleransi dalam amali dan undang-undang. Justeru, halal dan haram dalam Islam bukanlah satu aspek yang boleh dipandang remeh kerana ia bakal memberi kesan bukan sahaja dari aspek pelaksanaan syariah/fiqh semata-mata bahkan juga menyangkut aspek spiritual dan rohani seorang muslim. Penentuan halal dan haram dalam Islam adalah hak mutlak Allah SWT. Manusia sebagai hambaNya tidak layak untuk menentukan sesuatu itu halal atau haram, bahkan penetapan hukum juga adalah bersandarkan kepada nas-nas al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Al-Quran mengecam golongan musyrik yang berani mengharamkan atau menghalalkan sesuatu tanpa keizinan daripada Allah SWT.

Maqasid syariah dalam Islam membawa kepada masalah yang didatangkan untuk memudahkan manusia secara umumnya. Ia menjamin hak asasi manusia termasuklah dalam pengurusan halal yang bakal memberi impak yang besar dari aspek dunia dan akhirat mereka. Sebagai contoh Islam mengharamkan arak, dan beberapa jenis makanan yang buruk namun menggantikannya dengan segala jenis makanan dan minuman yang enak dan berkhasiat. (al-Qaradhawi, 2015). Ini menunjukkan tanda-tanda kebesaran dan rahmat Allah SWT kepada hamba-hambaNya yang beriman. Jika diperhatikan semua ini maka seorang muslim akan mendapat iktibar bahawa sesungguhnya Allah SWT tidak pernah menyusahkan atau menyempitkan hidup hambaNya bahkan setiap sesuatu pengharaman itu dilapangkan pula pada sudut yang berbeza dan dibuktikan pula kebaikan pengharaman itu dari aspek saintifik.

Pematuhan kepada halal dan haram sebenarnya adalah salah satu tanda akhlak mulia seorang hamba kepada PenciptaNya. Tanda seorang itu beriman ialah terzahirnya akhlak yang mulia dengan sifat mahmudah pada diri peribadinya. Kemuncaknya ialah adab yang tinggi terhadap al-Khaliq. Aplikasi kefahaman terhadap konsep halal dan haram dalam Islam adalah bersumber dari sifat ihsan iaitu sentiasa mengingati Allah (*zikhrollah daiman*) dan muraqabah (sentiasa berasa dalam pemerhatian Allah SWT). Natijahnya, lahirlah individu mukmin yang beriman dan bertakwa patuh kepada undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah

SWT supaya menjauhi yang haram seperti rasuah, riba, menipu timbangan, arak dan babi dan lain lagi.

Allah SWT telah mewahyukan kepada manusia tanda-tanda kebesarannya dalam bentuk wahyu al-Quran dan alam ini. Melalui konsep halal dan haram, manusia mampu menyingkap rahsia di sebalik peraturan tersebut. Kefahaman terhadap ayat-ayat Allah ini mendorong manusia untuk membuat kajian, pemerhatian dan merenung dengan mendalam segala ciptaan Allah di atas muka bumi, seterusnya dapat meningkatkan keimanan dan melahirkan nilai akhlak yang mulia (Pisoi Maidin, 2014).

Halal juga merupakan penzahiran (*tajalli*) sifat kasih sayang (*Rahim*) Allah SWT kepada hambanya yang beriman. Makanan dan pengurusan yang halal memberi kesan positif kepada seluruh sistem hidup manusia, iaitu dari aspek rohani dan jasmani. Allah SWT memberi jalan keluar kepada manusia untuk mereka menjalani hidup yang bersih dan suci, tenang, aman dan sejahtera dengan konsep halal dan haram.

Dilihat dari aspek pemakanan dan sumber-sumbernya, makanan yang haram dan diperolehi dari sumber yang haram (judi, rasuah, riba dan lain-lain) boleh memberi kesan yang negatif kepada manusia. Allah SWT tidak menerima doa mereka yang memakan makanan haram. Segala amalan kebajikan seperti sedekah, haji, solat dan usahanya ditolak oleh Allah SWT. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: Ada seorang lelaki datang dari tempat yang jauh, rambutnya tidak terurus, penuh dengan debu lalu dia mengangkat tangannya ke langit sambil berdoa, “Wahai Tuhanku...” padahal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan diberi makanan yang haram pula. Maka bagaimana mungkin doanya akan dimakbulkan?”

(Riwayat Muslim dan Tirmizi)

Sebagaimana makanan yang halal dan tayyiba memberi kesan yang baik kepada mental dan fizikal manusia, makanan haram juga memberi kesan buruk kepada mereka. Menurut kajian sains, manusia yang memakan khinzir atau yang bersumberkannya, boleh dijangkiti penyakit seperti SAR, JE dan H1N1. Penyakit tersebut sangat berbahaya kepada manusia dan mengakibatkan kegagalan fungsi organ seperti paru-paru dan akibatnya membawa kematian dalam waktu yang singkat. Terdapat banyak lagi kesan buruk dan keji yang terhasil dari makanan yang haram seperti hati yang payah untuk menerima kebenaran (hidayah Allah), kehidupan yang tidak tenang dan tenteram, mewarisi sifat-sifat

mazmumah dan lebih cenderung melakukan maksiat. Ini semua kerana mengabaikan konsep halal dan haram sebagaimana yang dianjurkan oleh agama.

Allah SWT telah menunjukkan tatacara hidup yang benar dan bersih untuk menjamin kemaslahatan hambaNya melalui konsep halal yang mendasari kehidupan seorang muslim. Ini bermakna setiap perlakuan kita mempunyai kesan yang besar terhadap aspek iman (akidah), ibadah dan akhlak sebagai seorang hamba yang akhirnya menentukan di manakah kedudukan mereka di akhirat nanti.

3.5 Konsep Halal Menurut Ajaran Kristian

Agama Kristian mempunyai pelbagai mazhab dan antara mazhab yang paling jelas menetapkan hukum halal dan haram dalam pemakanan adalah Kristian Roman Katolik dan Seventh Day Adventist. Bagi Seventh Day Adventist, atau lebih dikenali sebagai SDA, merupakan salah satu mazhab agama Kristian yang semakin berkembang sejak dekad 1860-an.

Kesihatan menjadi penekanan bagi gereja Advent. Orang Advent dikenali dengan pegangan "pesan kesihatan", yang mana pesan tersebut menganjurkan vegetarianisme dan kepatuhan terhadap hukum halal haram sepertimana yang disebutkan di dalam Imamat 11, Kitab Perjanjian Lama. Pesan kesihatan ini adalah berpantang dari daging babi, kerang, dan makanan lain yang digolongkan sebagai "makanan haram". Gereja mencegah penganutnya dari penggunaan alkohol, tembakau (rokok) atau ubat-ubatan terlarang. Selain itu, orang-orang Advent menghindari dari pengambilan kopi dan minuman yang mengandungi kafein.

Bagi penganut Kristian Roman Katolik pula, mereka berpegang dengan apa yang di sebut dalam Perjanjian Lama (Old Testament) iaitu yang diuraikan di dalam Leviticus ayat 1-47, Deuteronomy ayat 1-21 dan Exodus ayat 13,22. Ayat-ayat tersebut diceritakan di bawah sub topik makanan bersih dan kotor. Ajaran Kristian menurut Perjanjian Lama telah menggariskan bahawa makanan bersih ialah:

1. Makanan yang berasal dari haiwan yang berkuku belah atau berkuku genap dan pemakan tumbuhan (herbivor). Iaitu lembu, kambing, kambing gurun, kambing liar, biri-biri, rusa, kijang. (Holy Bible, Deuteronomy : 1-21)
2. Kategori hidupan air, yang bersirip dan bersisik sahaja

3. Kategori burung dan haiwan bersayap ialah yang selain dari apa yang disebut sebagai kotor dan tidak boleh dimakan.
4. Kategori serangga hanyalah reriang dan belalang.

Manakala makanan kotor pula ialah:

1. Haiwan yang tidak berkuku belah dan herbivor iaitu unta, arnab, pelanduk
2. Haiwan yang berkuku belah dan bukan herbivor iaitu babi dan babi hutan, tidak boleh makan dagingnya dan menyentuh bangkainya.
3. Haiwan yang tidak berkuku belah dan bukan herbivor iaitu kuda.
4. Kategori hidupan air, yang tidak bersirip dan tidak bersisik iaitu belut, ikan keli, udang, ketam, sotong. Jenis tersebut tidak boleh makan dagingnya dan bangkainya adalah najis.
5. Kategori burung ialah burung rajawali, burung hantu, helang, bangau, burung camar, burung gagak, burung pungguk, kelawar, burung hering, burung gagak, burung layang-layang merah, burung raven, burung layang-layang hitam, burung dendang air, burung osprey, burung upeh, burung pucung, burung hud-hud.
6. Haiwan yang merayap, sama ada yang berjalan dengan kaki atau bergerak dengan perut iaitu tikus, katak, ular, landak, biawak, mengkarung, siput, musang, cicak, sumpah-sumpah.
7. Kategori serangga, iaitu semua serangga yang terbang dan yang mempunyai kaki empat adalah najis. (Leviticus: 80-81)
8. Bangkai binatang sepertimana ayat di bawah:
“Jangan makan apa sahaja yang anda mendapati ia sudah mati. Anda boleh berikan kepada pendatang asing yang tinggal di mana-mana di bandar anda, dan mereka boleh memakannya, atau boleh menjualnya kepada orang asing lain. Anda seorang umat yang kudus bagi Tuhanmu.”

(Deuteronomy: 21)

Seterusnya, ajaran Kristian menyatakan bahawa bangkai dari binatang-binatang yang tidak boleh dimakan itu adalah najis. Maka sesiapa yang terkena bangkai binatang tersebut, maka individu tersebut menjadi najis sehinggalah matahari terbenam. Sekiranya najis tersebut terkena pada pakaian, maka hendaklah di cuci pakaian tersebut. Begitu juga sekiranya najis tersebut jatuh di atas sesuatu peralatan. Semua

keadaan ini akan menyebabkan ia menjadi najis sehinggalah matahari terbenam, kemudian ia akan menjadi bersih selepas itu (Leviticus: 81).

Antara lain ialah sekiranya seekor daripada haiwan yang tidak boleh dimakan atau bangkainya jatuh ke dalam periuk atau peralatan memasak yang lain, periuk tersebut menjadi najis dan tidak boleh digunakan lagi serta mesti dipecahkannya, sebagaimana ayat di bawah:

“Jika salah seekor dari binatang najis tersebut jatuh ke dalam periuk, semua yang ada di dalamnya akan menjadi najis dan anda mesti memecahkan periuk.”

(Leviticus: 34)

Selain itu, ajaran Kristian juga menyebut bahawa sekiranya makanan yang boleh dimakan dimasak menggunakan air dari periuk yang menjadi najis, maka hukumnya adalah haram kerana air itu telah menjadi najis dan kotor. Namun, sekiranya bangkai daripada binatang yang tidak boleh dimakan terjatuh di atas benih yang di tanam, ianya tetap bersih. Tetapi jika air telah disiramkan pada benih tersebut dan air menyerap pada tanaman, maka ia menjadi najis. Menurut kitab perjanjian lama, telah dinyatakan dengan jelas bahawa terdapat beberapa ayat yang melarang umat Kristian daripada memakan babi, iaitu:

“Imamat 11:7 Demikian juga babi hutan, kerana memang berkuku belah, iaitu kukunya bersela panjang, tetapi tidak memamah biak (herbivor); haram itu bagimu.”
Ulangan 14:8 Juga babi hutan, kerana memang berkuku belah, tetapi tidak memamah biak (herbivor); haram itu bagimu.
Daging binatang-binatang itu janganlah kamu makan dan janganlah kamu terkena bangkainya.”

Berdasarkan ayat di atas jelas menunjukkan bahawa ajaran Kristian juga melarang penganutnya memakan babi kerana dua alasan iaitu kerana berkuku belah dan bukan haiwan herbivor, dan juga bangkainya adalah najis. Melalui pemerhatian tentang makanan haram dan halal ini, sebenarnya larangan untuk makan makanan yang haram tersebut adalah bertujuan untuk mensucikan penganut Kristian, sebagaimana yang disebut dalam ayat di bawah:

“Janganlah kamu menajiskan dirimu dengan mana-mana makhluk. Jangan membuat dirimu najis dengan cara mereka atau dinajiskan oleh mereka. Akulah Tuhan, Tuhanmu yang mengkuduskan diri kamu dan membuatmu suci, kerana aku suci. Jangan membuat mu najis oleh mana-mana makhluk

binatang yang bergerak di tanah. Akulah Tuhan yang membawa engkau keluar dari Mesir, supaya menjadi Tuhanmu, oleh itu menjadi suci, kerana Aku suci.”

(Leviticus: 43-45)

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa ajaran Kristian menurut kitab Perjanjian Lama turut memberi garis panduan dalam bab pemakanan terhadap penganut mereka bertujuan menyucikan diri dan pengabdian diri dalam ajaran mereka. Sekaligus dapat diperhatikan bahawa mereka juga mementingkan bab *taharah* (bersuci) sebagaimana Islam. Namun Islam, dilihat jauh lebih teliti dan terperinci serta mempunyai maqasid yang jelas berkaitan bab ini kerana Islam bukan sahaja mementingkan kesucian dari sudut fizikal luaran namun ianya juga dari sudut batin iaitu jiwa dan hati yang hakikatnya menjadi syarat utama untuk berjumpa dengan Allah Yang Maha Agung di syurga kelak , sebagaimana firman Allah SWT:

“Iaitu pada hari (ketika) harta dan anak-anak tidak berguna. Kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan jiwa dan hati yang bersih”

(Surah al-Syu'ara', 26: 88-89)

“..maka sesiapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia melakukan kebaikan dan jangan menyekutukan dengan sesuatu pun dalam beribadah kepada Tuhannya.”

(Surah al-Kahfi, 18:110)

4. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kaji selidik. Responden terdiri daripada pelajar-pelajar Pusat Asasi UiTM cawangan Dengkil Selangor. Kajian ini adalah kajian rintis dan responden dipilih secara rawak daripada pelbagai program pengajian mencakupi pelajar Muslim dan Kristian. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul maklumat adalah borang soal selidik. Borang soal selidik sesuai digunakan dalam kajian berbentuk tinjauan dan mudah untuk mendapatkan maklumat berdasarkan kepercayaan, perasaan dan kehendak individu itu sendiri. Jawapan yang diberi oleh responden tidak dipengaruhi dengan arahan tambahan atau pernyataan tambahan dari sumber luar.

Jenis soal selidik ialah berbentuk pilihan jawapan. Ia berbentuk soalan atau pernyataan beserta dengan cadangan jawapan atau maklum balas. Responden perlu membaca dan memahami pernyataan dan memilih jawapan yang paling sesuai berdasarkan cadangan jawapan diberi. Dalam kajian ini, borang soal selidik mempunyai tiga bahagian iaitu:

Bahagian A: soal selidik profil responden. Soalan berkaitan maklumat diri responden. Jenis soalan yang dikemukakan ialah jantina, umur, bangsa dan agama.

Bahagian B: soal selidik pengetahuan responden terhadap konsep pemakanan halal dalam kehidupan beragama.

Bahagian C: soal selidik kefahaman responden terhadap pemilihan pemakanan halal dalam kehidupan beragama.

Soalan-soalan yang diberi telah diberikan cadangan jawapan berdasarkan skala likert. Melalui borang soal selidik, data-data dianalisis melalui kaedah peratusan dan kekerapan. Kaedah ini dilakukan pada setiap soalan untuk melihat peratus jawapan yang didapati dan untuk mendapatkan kejituan hasil dapatan yang lebih tepat bagi mencapai objektif kajian.

5. Hasil Kajian dan Analisis

Kajian ini digunakan untuk mengetahui pengetahuan pelajar terhadap konsep pemakanan halal dalam kehidupan beragama. Seramai 30 orang responden telah dipilih untuk menjalankan kajian. Kajian rintis ini hanya mengambil sampel sebanyak satu kelas sahaja yang berjumlah 30 orang. Ia terdiri daripada 20 orang pelajar Muslim dan 10 orang pelajar Kristian. Kajian ini melibatkan pengumpulan data, analisis data, interpretasi dan merumuskan hasil kajian.

Bahagian ini akan dimulai dengan perbincangan tentang latar belakang profil responden, seterusnya diikuti dengan perbincangan tentang tahap pengetahuan responden mengenai konsep makanan halal dan juga tahap kefahaman responden mengenai pemilihan pemakanan halal.

Jadual 1 menunjukkan profil responden dari sudut jantina lelaki muslim adalah 36.6% dan 30% daripadanya adalah perempuan. Sementara responden beragama Kristian berjumlah 30% perempuan dan seorang lelaki iaitu 3.3%. Keseluruhan responden 40% lelaki dan 60% adalah perempuan. Lebih separuh daripada responden berumur lapan belas tahun iaitu sebanyak 83.3%, selebihnya 13.3% berumur sembilan

belas tahun dan 3.3% adalah berumur dua puluh tahun. 100% responden Muslim berumur lapan belas tahun.

Dari sudut bangsa dan etnik, majoriti daripada responden adalah berbangsa Melayu iaitu sebanyak 66.6% dan diikuti oleh responden dari etnik Kadazan-Dusun sebanyak 20%, Bidayuh 6.6%, manakala daripada etnik Melanau dan Murut masing-masing 3.3%.

Dari sudut program pengajian, sebanyak 50% daripada responden adalah daripada Program Asasi Undang-undang, 33.3% daripada Program Asasi Kejuruteraan, dan hanya 16.6% responden daripada Program Asasi Sains.


Jadual 1: Latar Belakang Responden

Maklumat	Bilangan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	12	40
Perempuan	18	60
Umur		
18 tahun	25	83.3%
19 tahun	4	13.3%
20 tahun	1	3.3%
Agama		
Islam	20	66.6%
Kristian	10	33.3%
Bangsa dan Etnik		
Melayu	20	66.6%
Kadazan-Dusun	6	20%
Bidayuh	2	6.6%
Melanau	1	3.3%
Murut	1	3.3%
Program		
Asasi Undang-undang	15	50%
Asasi Kejuruteraan	10	33.3%
Asasi Sains	5	16.6%

Analisa berikut menunjukkan perbandingan tahap pengetahuan responden Muslim dan non-muslim tentang konsep pemakanan halal. Jadual 2 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya hasil kajian mendapati bahawa 100% daripada responden Muslim dan Kristian mengetahui makanan halal adalah makanan dan minuman yang dibenarkan dan diizinkan dikonsumsi oleh ajaran agama masing-masing. Ia terdiri daripada 66.6% responden Muslim dan 33.3% responden

Kristian. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang sangat baik mengenai maksud pemakanan halal.


Jadual 2: Tahap pengetahuan responden mengenai maksud pemakanan halal



Jadual 3 menunjukkan bahawa 60% responden Muslim tidak pasti bahawa konsep makanan halal juga terdapat dalam ajaran agama selain daripada Islam seperti Kristian, Hindu dan Buddha. Sementara 40% Muslim tahu bahawa konsep makanan halal juga wujud dalam setiap agama lain seperti Kristian, Hindu dan Buddha. Majoriti Muslim tidak pasti wujudnya konsep makanan halal pada ajaran agama yang lain kerana mereka tidak mendalami tentang konsep ajaran yang lain mungkin disebabkan oleh faktor umur yang masih muda (18 tahun) dan juga tiada pendidikan mengenainya di rumah atau sekolah.

Sementara itu, 90% daripada responden Kristian tahu bahawa konsep makanan halal wujud dalam setiap ajaran agama. Manakala 10% lagi tidak pasti terdapat konsep makanan halal dalam ajaran agama yang lain.


Jadual 3: Tahap pengetahuan responden tentang konsep makanan halal dalam ajaran Islam, Kristian, Hindu dan Buddha.



Jadual 4 menunjukkan bahawa 60% responden Muslim tahu bahawa khinzir adalah haram menurut ajaran Islam serta Kristian, sementara 40% responden tidak pasti bahawa khinzir juga haram menurut ajaran Kristian.

Seramai 40% responden Kristian tidak tahu bahawa khinzir juga haram disisi agama mereka iaitu dalam ajaran Kristian. Sebanyak 30% responden tidak pasti mengenai hal tersebut dan 30% responden lagi tahu mengenai pengharaman tersebut. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden non-muslim iaitu Kristian masih belum memahami sepenuhnya tentang haiwan yang halal dan haram dalam ajaran agama mereka.

Jadual 4: Tahap pengetahuan responden tentang pengharaman khinzir menurut ajaran Islam dan Kristian



Jadual 5 menunjukkan bahawa sumber maklumat mengenai halal dan haram diketahui oleh responden Muslim melalui kitab agama (F18), keluarga (F17), rakan sebaya (F10) dan internet (F11). Sementara daripada responden non-muslim sumber maklumat mereka mengenai halal dan haram pula diketahui melalui kitab agama (F7), keluarga (F7), rakan sebaya (F4) dan internet (F4).

Ini menunjukkan bahawa bagi non-muslim mereka mengetahui konsep halal dan haram majoritinya paling banyak melalui kitab agama kemudian melalui keluarga, kemudian rakan sebaya dan internet. Sementara bagi responden Muslim mereka mengetahui konsep ini melalui kitab agama, kemudian keluarga, internet, dan yang terakhir adalah melalui rakan sebaya.

Jadual 5: Sumber maklumat responden mengenai halal dan haram


Sumber	Muslim (F)	Non-muslim (F)
Kitab Agama	18	7
Keluarga	17	7
Rakan Sebaya	10	4
Internet	11	4

F: Frekuensi

Analisa di bawah menunjukkan perbandingan tahap kefahaman pelajar mengenai sikap dan pemilihan pemakanan halal dalam kehidupan beragama.


Jadual 6 menunjukkan bahawa 100% responden Muslim setuju bahawa mereka mengambil berat tentang makanan yang dimakan sama ada ianya halal, haram, atau meragukan. Manakala bagi responden Kristian, seramai 90% responden juga setuju mengenai pernyataan tersebut, namun terdapat 10% daripada mereka tidak pasti mengenai perkara tersebut. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua responden Muslim dan Kristian amat mengambil berat mengenai pemilihan makanan yang diambil oleh mereka.

Jadual 6: Tahap kefahaman responden mengenai pemilihan makanan halal, haram, atau meragukan




Jadual 7 menunjukkan bahawa kedua-dua responden Muslim dan Kristian semuanya (100%) faham bahawa aspek halal dan baik dalam Islam termasuklah sumber, bahan, dan cara penyediaannya yang bersih dan suci. Ini menunjukkan bahawa seluruh responden mempunyai pengetahuan yang baik terhadap aspek pemilihan makanan yang baik dalam Islam iaitu makanan halalan thoyyiba.

Jadual 7: Tahap kefahaman responden mengenai konsep halalan thoyyiba




Jadual 8 menunjukkan bahawa 70% responden Muslim bertindak untuk meneliti kandungan bahan pada bungkusan sebelum mereka membeli dan hanya 30% daripada mereka tidak pasti. Sementara bagi responden Kristian juga peratusan yang sama iaitu 70% setuju bahawa mereka meneliti kandungan bahan dan 30% daripada mereka tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden Muslim dan Kristian prihatin terhadap kandungan bahan makanan yang dimakan sama ada halal atau haram. Sementara 30% daripada responden tidak pasti berkemungkinan disebabkan oleh mereka tidak mempunyai maklumat yang jelas mengenai jenis-jenis serta bahan-bahan yang dipamerkan pada setiap bungkusan tersebut.

Jadual 8: Tahap penelitian responden mengenai kandungan bahan pada sesuatu makanan



Jadual 9 menunjukkan bahawa 95% responden Muslim setuju bahawa pemilihan makanan halal dan haram dalam agama memberi kesan kepada aspek rohani dan jasmani. Sementara 5% responden Muslim tidak pasti mengenai perkara tersebut. Begitu juga responden Kristian iaitu sebanyak 90% responden setuju bahawa pemilihan makanan halal dan haram dalam agama memberi kesan dari aspek rohani dan jasmani. Dan hanya 10% daripada responden Kristian tidak pasti mengenai perkara tersebut. Ini menunjukkan bahawa walaupun responden daripada agama yang berbeza, mereka tetap setuju bahawa dengan membuat pemilihan makanan yang halal dan haram yang tepat boleh memberikan kesan positif atau negatif kepada aspek rohani dan jasmani mereka. Ini juga menunjukkan bahawa mereka juga amat berhati-hati dalam memilih jenis pemakanan dalam kehidupan seharian. Sementara bagi responden yang tidak pasti menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mereka mengenai kesan pemakanan terhadap diri belum sampai ke tahap keyakinan yang tinggi, kerana mereka sendiri belum pasti dengan perkara tersebut.

Jadual 9: Tahap kefahaman responden tentang kesan pemilihan makanan halal terhadap aspek rohani dan jasmani



6. Perbincangan

Konsep pemakanan halal dan haram sangat penting dalam kehidupan masyarakat beragama yang dilihat dari hasil kajian ini. Bagi penganut agama Islam dan Kristian, setiap tindakan yang ingin dilakukan responden perlu memahami konsep halal dan haram, boleh atau tidak boleh dan mengetahui garis panduan pemakanan yang ditetapkan oleh agama masing-masing. Hasil kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa responden sama ada Muslim atau Kristian amat prihatin terhadap aspek halal dan haram dalam pemakanan. Hal ini dapat ditunjukkan apabila majoriti responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenai konsep pemakanan halal dan thayyiba. Mereka tahu haiwan yang halal dan haram dalam ajaran agama Islam dan Kristian. Namun ada juga sebilangan kecil responden yang tidak pasti dengan istilah makanan dan minuman yang meragukan (syubhah). Penggunaan perkataan meragukan (syubhah) belum didefinisikan secara meluas di kalangan masyarakat Islam dan Kristian itu sendiri. Hal ini kerana kemungkinan hanya sebahagian responden Muslim yang mempelajarinya di sekolah beraliran agama. Sebahagian besar responden juga mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pemilihan makanan yang halal dalam kehidupan mereka iaitu dengan mengambil berat makanan yang mereka makan, kandungan bahan, dan juga kesannya terhadap fizikal dan rohani mereka. Namun ada juga sebilangan kecil responden yang tidak pasti dengan perkara tersebut. Ini mungkin kerana kekurangan ilmu dan pendedahan mengenai kesan pengambilan makanan halal dan haram terhadap rohani dan jasmani.

7. Kesimpulan

Kajian ini adalah sebuah kajian rintis yang dijalankan kepada satu kumpulan pelajar Asasi yang dipilih secara rawak terdiri daripada pelajar Muslim dan Kristian. Oleh yang demikian berkemungkinan ia tidak mewakili keseluruhan daripada sampel keseluruhan pelajar di Pusat Asasi UITM kampus Dengkil. Walau bagaimanapun dapatan kajian boleh dijadikan rujukan dan sedikit gambaran tentang tahap pengetahuan dan kesedaran pemakanan halal di kalangan pelajar yang beragama Islam dan Kristian.

8. Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Holy Bible (Old Testament).

Biitar Gabriel Jivasattha (2006) *Lecture Note on Food and Buddhism* dalam The Nexus Connect Public Forum on Faith & Food Adelaide dari www.buddhayatana.org pada 2 September 2016.

Bodhipaksa. (1999) *Vegetarianism*. Birmingham, England: Windhorse Publications.

Buswell Jr., R. E., & Lopez Jr., D. S. (2014) *The Princeton Dictionary of Buddhism*. Princeton University Press, United Kingdom, London.

Conze, E (1957). *Buddhism: Its Essence and Development*. Oxford: Bruno Cassier Publishers.

Eijo. t.t. *Buddhism & Vegetarianism*. Dari [<http://www.ccil.org/~cneal/veg.html>] pada 2 September 2016.

Epstein, R. t.t. *Buddhism A-Z*, selection: "Five Contemplations While Eating" dari <http://online.sfsu.edu/~rone/Buddhism/Buddhism.htm> pada 2 September 2016.

Gaziano, J & Lewis, J. (2013) All beings are equal but Some are More Equal than Others: Buddhism and Vegetarianism in the U.S. *Western Buddhist Review* (6): 58-77

Hongyu Wu. (2002). Buddhism, Health, and Healing in a Chinese Community. *Religious Healing in Boston*: 39-44.

Hopkins, E.W (1906) The Buddhistic Rule against Eating Meat. *Journal of the American Oriental Society* (27): 455-464.

<http://buddhism.about.com/od/Living-A-Buddhist-Life/fl/Buddhist-Teachings-About-Food.htm> pada 2 September 2016

<http://online.sfsu.edu/rone/Buddhism/BuddhismAnimalsVegetarian/Buddhist%20Diet.htm> pada 2 September 2016

J. Jagadeesan. (1991). *Unity of Faiths*. Western Australia: Sathya Sai Centre

K. Sri Dhammananda (2000). *How to Practice Buddhism*. Kuala Lumpur: Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society

Kemmerer, L.A. (2005). Review of The Great Compassion: Buddhism and Animal Rights. *Journal of Buddhist Ethics*. 92-98.

Lokman Ab.Rahman. (2009). *Isu Halal Tiada Penghujung*. Bukit Katil: Alam Baca Sdn. Bhd.

Mohamad Aizat Jamaludin et.al, *Pendidikan Kepenggunaan Halal Di Malaysia*, Jan 2012, <https://www.researchgate.net/publication/255992124>
Mohammad Aizat Jamaludin et.al, *Panduan Makanan Halal Haram Menurut Perspektif al- Quran: Analisis Terhadap Isu- isu Makanan Semasa*, Jan 2011, <<https://www.researchgate.net/publication/255983091>
Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti. (1996). terj. Muhammad Sulaiman Yasin, *Keyakinan Hakiki: Kewujudan Maha Pencipta dan Tugas Makhluk di Alam Semesta*. Petaling Jaya: ABIM.

Nor Aini Haji Idris & Mohd Ali Mohd Noor, Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal- Haram Produk Melalui Pembentukan Indeks dalam *Prosiding Perkem VIII*, Jld 3 (2013), 1245-1258.

Pisol Maidin (Ed.) (2014) *Kesepaduan Agama dan Sains*. Shah Alam: Penerbit UiTM.

U Ba Khin, S.(1991). Dhamma Texts. U.K.: The Sayagyi U. Ba. Khin Memorial Trust.

Yusuf al-Qaradhawi (Dr).(2015). terj. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Halal dan Haram dalam Islam*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

Zulkifli Mohamad al- Bakri. (Dr). (2015). *Khinzir: Penciptaan dan Hukum- hukum*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.